



07 FEB, 2026

Paras takungan air empangan di Kedah, Perak turun mendadak

Berita Harian, Malaysia



Paras takungan air empangan di Kedah, Perak turun mendadak

Bekalan untuk kegunaan rumah, pertanian masih terjamin

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Paras takungan air empangan di Kedah dan Perak turun mendadak akibat kemarau, namun bekalan untuk kegunaan rumah dan pertanian masih terjamin.

Empangan Bukit Merah di Krian mencatatkan paras amaran apabila hanya menampung 27.17 peratus baki simpanan air sehingga semalam.

Berdasarkan maklumat portal Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), empangan seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu mencatatkan kapasiti simpanan yang tidak berubah atau di paras 6.60 meter (m), berbanding 8.7 m paras normal sejak 27 Januari lalu, menyaksikan penyusutan 32.24 peratus.

Bagaimanapun, paras air di dua empangan di Perak yang di-



Empangan Muda di Kedah antara tiga empangan utama di bawah seliaan MADA yang mencatat penurunan paras takungan air akibat kemarau. (Foto hiasan)

selia Lembaga Air Perak (LAP) masih berada di tahap maksimum walaupun sedang dilanda cuaca panas dan kering.

Dua empangan itu, Empangan Air Kuning di Taiping dan Empangan Sultan Azlan Shah di Kinta mencatatkan 100 peratus kapasiti simpanan sehingga kelmarin.

Sementara itu, EXCO Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin, berkata sehingga kelmarin Empangan Temenggor di Gerik berada pada paras 240 meter, lai-

tu lebih rendah berbanding paras lazim sekitar 245 meter.

Katanya, empangan seliaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu menyaksikan jumlah kemasukan air semula jadi ke takungan Tasik Temenggor adalah rendah, sekurangnya di kawasan tadahan bahagian hulu Sungai Perak.

Bellau berkata, keadaan kemasukan air yang rendah itu memberi kesan langsung kepada paras takungan dan perlu diurus secara berhemah bagi memastikan kelangsungan sistem sungai iaitu sepanjang Sungai Perak

yang mengalir dari daerah Hulu Perak hingga daerah Bagan Datuk.

MADA laksana pengurusan air
Sementara itu di Kedah, paras takungan air bagi tiga empangan utama di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menurun sebanyak 47 peratus kelmarin, berbanding 73.74 peratus pada tempoh sama tahun lalu.

MADA dalam kenyataan semalam berkata, kadar itu menurun kira-kira 25.9 peratus, namun bekalan air masih mencukupi un-

tuk menyokong keperluan pengairan pertanian, perumahan dan industri.

Katanya, Empangan Pedu mencatatkan paras takungan 45.90 peratus, Empangan Muda 40.20 peratus dan Empangan Ahning 59.61 peratus.

"Walaupun paras takungan mencatatkan penurunan, MADA melaksanakan pengurusan air secara berhemah, terkawal dan berjadual bagi memastikan kelangsungan keperluan pengairan pertanian sehingga tamat musim penanaman semasa.

"Selain itu, bekalan air bagi kegunaan domestik dan industri juga masih berada pada tahap mencukupi," katanya.

Menurut kenyataan itu, bagi persediaan menghadapi permulaan musim penanaman padi satu 2026 yang dijangka bermula pada April ini, MADA meramalkan paras takungan Empangan Pedu akan berada paras 53.2 peratus.

Katanya, pelepasan air daripada empangan akan digunakan sebagai sumber pengairan sokongan bagi penanaman padi.

"Dalam tempoh sama, peralihan monsun dijangka berlaku dan berpotensi membawa hujan yang boleh dimanfaatkan sebagai sumber tambahan bekalan pengairan," katanya.